

29/01/2005

DR MAHATHIR DIJADUAL HADIRI SIDANG KEMUNCAK DI SRI LANKA MEI INI

Daripada Feizal Samath

COLOMBO, 29 Jan (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohamad akan berada di Sri Lanka bagi menghadiri Sidang Kemuncak Global CIMA Sri Lanka sebagai salah seorang penceramah utama pada bulan Mei ini.

Bekas Perdana Menteri yang sering dianggap sebagai arkitek pembangunan ekonomi Malaysia itu dikatakan belum pernah berada di Sri Lanka sebelum ini, menurut Pejabat Kedutaan Malaysia di Colombo.

Turut dijadual sebagai penceramah pada sidang kemuncak yang bertemakan "Passion for Perfection" itu adalah bekas kapten pasukan kriket Pakistan, Imran Khan.

Dr Mahathir dan Khan adalah antara sebahagian daripada pemimpin perdagangan Asia dan Sri Lanka yang akan mengambil bahagian dalam sidang kemuncak dua hari yang bermula pada 26 Mei.

Persidangan sulung itu dijangka menarik kehadiran kira-kira 1,000 peserta tempatan mahupun antarabangsa, yang akan mengambil bahagian dalam sesi teknikal, menurut pegawai CIMA.

Antara penceramah lain adalah pengasas dan Pengurus Bersama The Galleon Group serta pelabur terbesar dalam bursa saham Sri Lanka, Raj Rajaratnam yang merupakan seorang rakyat tempatan, Pengarah serta Ketua Pegawai Kumpulan AirAsia Bhd dari Malaysia, Tony Fernandes, dan Naib Presiden Eksekutif serta Ketua Pegawai Urusan Global Business Travel di American Express Company dari Sri Lanka, Priyan Fernando.

-- BERNAMA

FSM AZH